

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 14 March 2016   |

### REAKSI

#### PAKATAN TUN DR. MAHATHIR-PEMBANGKANG

PERBUATAN ini amat melampau kerana ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bekerja keras membangunkan negara, wujud kumpulan yang cuba melakukan sabotaj. Saya amat kesal dengan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad bersekongkol dengan pembangkang demi mencapai sasaran politik beliau".

**DATUK IKMAL HISHAM ABDUL AZIZ**  
Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah

"KAMI mahu tindakan diambil terhadap ahli UMNO yang terlibat dengan pakatan Tun Dr. Mahathir -Pembangkang. Perbuatan mereka bertentangan dengan etika dan Perlembagaan UMNO kerana cuba menjatuhkan pemimpin yang dipilih secara demokratik".

**DATUK ABDUL AZIZ KAPRAWI**  
Ketua UMNO Bahagian Sri Gading

"TUJUAN kami hadir hari ini adalah untuk menghasilkan deklarasi ini sebagai sokongan kepada kerajaan dan ketua kami walaupun Muhyiddin, Mohd. Shafie dan Mukhriz tidak menyokongnya. Kami mahu tindakan tegas diambil demi kekuatan UMNO dan rakyat".

**DATUK ZEIN ISMA ISMAIL**  
Ketua UMNO Bahagian Subang

"KAMI menjemput semua ketua UMNO bahagian untuk hadir hari ini kecuali mereka yang berjawatan menteri dan menjadi ahli Majlis Tertinggi. Semua menyatakan sokongan demi parti, kami tidak mahu ada pemimpin UMNO sendiri yang cuba merosakkan parti ini".

**DATUK HASIM RUSDI**  
Ketua UMNO Bahagian Rasah






## Dr. Mahathir hanya 'diperkudakan'

um - 14/3/2016

**KUALA LUMPUR 13 Mac** - Setiap ahli UMNO sewajarnya menolak pakatan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pembangkang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang secara jelasnya bersikap angkuh hati.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, selama ini Dr. Mahathir diberi penghormatan sebagai negarawan, tetapi beliau cuba menghancurkan parti ini.

Jelasnya, dalam hal ini, Dr. Mahathir hanya 'diperkudakan' parti pembangkang.

"Apabila dia (Dr. Mahathir) duduk bersama-sama pembangkang hendak menghancurkan parti ini, kita masih hendak menerima dia lagi?" katanya sewaktu berucap dalam majlis perasmian berkelompok Persidangan Wanita UMNO Cawangan-Cawangan Dalam Bahagian Batu di Dewan Komuniti Taman Perindustrian IKS di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian Batu, Datuk Yahaya Mat Ghani dan Ketua Wanita UMNO Bahagian Batu, Norashekin Yusof.

Pada 4 Mac lalu, Dr. Mahathir mengetuai kumpulan lebih 50 orang termasuk Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memeterai deklarasi menyokong penyingkiran Najib sebagai Perdana Menteri.

Sementara itu, Tengku Adnan berkata, kepimpinan di peringkat akar umbi dinasihatkan tidak membawa imej UMNO sebagai sebuah parti eksklusif, sebaliknya parti inklusif bagi memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Jangan buat program syok sendiri, sebaliknya menjalankan program dari rumah ke rumah yang dekat dengan rakyat dalam usaha memenangi PRU-14.

"Biar program yang dijalankan kecil-kecilan, tetapi program itu dekat dengan masyarakat. Pemimpin-pemimpin UMNO perlu memikirkan kaedah supaya masyarakat sayang dengan parti," ujarnya.

---

## Pakatan Dr. Mahathir-pembangkang untungkan DAP

um - 14/3/2016

**KUALA LUMPUR 13 Mac** - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad bekerjasama dengan pihak pembangkang bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dilihat hanya memberi keuntungan kepada DAP.

Pandangan itu dinyatakan oleh Presiden myPPP, Tan Sri M. Kayveas yang melihat kerjasama tersebut hanya akan melemahkan kekuatan politik orang Melayu.

Katanya, agenda pihak pembangkang khususnya DAP adalah sangat jelas iaitu mahu menjatuhkan Barisan Nasional (BN) dan pada masa sama melemahkan kekuatan orang Melayu dalam arena politik, jadi sudah tentu kerjasama yang dibentuk menguntungkan parti itu.

"DAP telah cuba dua kali iaitu pada Pilihan Raya Umum Ke-12 dan Ke-13 dengan memainkan isu perkauman dan meminta orang Cina tidak mengundi Barisan Nasional (BN), mereka berjaya. Tetapi sampai di situ sahaja undi yang mereka mampu dapat, tidak boleh buat lebih.

"Sekiranya DAP mahu dapatkan lebih banyak undi, mereka memerlukan bantuan orang Melayu dan apabila Dr. Mahathir datang kepada mereka untuk bekerjasama, jadi baguslah kepada DAP. Ini lebih memberi mereka semangat untuk menjatuhkan kekuatan orang Melayu dalam arena politik, ini sangat jelas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempekerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi myPPP 2016 di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Kayveas turut menempelak tindakan Dr. Mahathir bersama-sama pemimpin pembangkang yang mengumpul tandatangan mendesak pengunduran Perdana Menteri.

"Tidak kira 1,000 tanda tangan, satu juta tanda tangan sekalipun, tidak boleh jatuhkan Perdana Menteri, sebab kita tiada undang-undang sebegitu. Kita mengamalkan undang-undang demokrasi, sekiranya majoriti menyokong kerajaan, minoriti perlu terima," jelas beliau.

Dalam pada itu, Kayveas menegaskan bahawa Majlis Tertinggi myPPP telah membuat keputusan sebulat suara mempertahankan kedudukan Najib sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

Katanya, walaupun myPPP tidak mahu terlibat dengan apa yang berlaku di dalam UMNO, tetapi memandangkan situasi semasa turut memberi kesan kepada BN, parti itu tampil menyatakan sokongan penuh terhadap Najib untuk meneruskan perjuangannya.